» 150 pelajar KKTM Kuantan patuhi syarat wajib subjek Pendidikan Islam



*Wan Musa (dua dari kiri)* ***menunjukkan kaedah penyembelihan ayam*** *kepada pelajar.* (FOTO ASROL AWANG/ BH)

# Praktik sembelih ayam

**Oleh Asrol Awang**
upen@bh.com.my

**Kuantan**

Seramai 150 pelajar Tahun Dua Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Kuantan mengikuti sesi penyembelihan ayam di kolej berkenaan, baru-baru ini.

Sesi penyembelihan itu adalah antara syarat wajib subjek Pendidikan Islam KKTM bagi memastikan pelajar mendapat pengetahuan jelas berhubung kaedah penyembelihan ayam mengikut syariat yang ditetapkan.

Menerusi penerangan yang diberi oleh pensyarah KKTM, Wan Musa Wan Mahmud, pelajar berkenaan dapat menyempurnakan kaedah penyembelihan ayam, sekali gus memberi lebih keyakinan kepada mereka.

## Lebih yakin

Pelajar, Muhammad Firdaus Abd Rahman, 19, berkata dia tidak takut untuk menyempurnakan sesi penyembelihan ayam kerana sudah biasa melakukannya di kampung.

"Saya percaya pengetahuan diperoleh sesi ini dapat dikongsikan bersama-sama rakan lain yang mungkin tiada pengetahuan mengenainya

"Tidak susah untuk melakukannya kerana pensyarah banyak membantu dan memberi lebih keyakinan kepada saya untuk lebih bersedia," katanya.

Nurul Syafikah Yaakub, 19, berkata dia tiada masalah berbuat demikian dan turut memberi semangat kepada rakan lain untuk memastikan mereka turut berjaya melakukan penyembelihan itu.

"Saya juga ingin membuktikan bahawa golongan wanita juga boleh melakukannya," kata Nurul Syafikah.



“ ***Saya percaya pengetahuan diperoleh sesi ini dapat dikongsikan bersama-sama*** *rakan lain yang mungkin tiada pengetahuan mengenainya"*

***Muhammad Firdaus Abd Rahman,***
*Pelajar KKTM, Kuantan*

## Latihan teori, praktikal

Sementara itu, penyelaras program, Faridah Hanim Mohd Daud, berkata tugas menyembelihan ayam itu diwajibkan kepada semua pelajar lelaki dan perempuan semester tiga bagi mendapat markah penuh dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Selain sesi penyembelihan, katanya, mereka turut ditugaskan untuk membuang bulu ayam dan memotong ayam mengikut saiz yang ditetapkan.

"Sebelum melakukan penyembelihan, latihan teori dan praktikal diberi untuk memberi lebih keyakinan kepada pelajar," katanya.



“ ***Saya juga ingin membuktikan bahawa golongan wanita*** *juga boleh melakukannya,"*

***Nurul Syafikah Yaakub,***
*Pelajar KKTM, Kuantan*



***Pelajar memotong ayam*** *mengikut saiz yang ditetapkan.*



*Pensyarah, Mohd Sabri Salleh (kiri)* ***membantu pelajar*** *perempuan menyembelih ayam.*